

**KENYATAAN MEDIA**

8 September 2016

**Pusat Islam UniMAP Bakal Anjur Program Jom Baca Al Quran**

PAUH PUTRA, 8 September: Pusat Islam Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bakal menganjurkan program Jom Baca Al Quran bersempena World #QuranHour pada 11 September ini.

Pegawai Hal Ehwal Islam UniMAP, Nasrul Che Ali berkata, pihaknya mensasarkan penyertaan seramai 600 peserta untuk dua surau di Musolla Saodah, Kampus Unicity dan Surau PFI 2, Pauh Putra.

“Tujuan program ini diadakan di dua tempat berasingan adalah kerana ingin memudahkan pelajar dan juga staf yang tinggal di kolej kediaman yang berdekatan dengan surau-surau ini.

“Saya menyeru semua warga UniMAP yang beragama Islam untuk sama-sama memberi sokongan kepada aktiviti seperti ini bagi memartabatkan dan menggalakkan umat Islam kembali berinteraksi dengan Al-Quran,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

World #QuranHour buat pertama kalinya diadakan dimana bacaan Al-Quran akan diperdengarkan secara serentak di seluruh dunia selama satu jam bermula 9.00 pagi.

Tarikh dan waktu itu dipilih bersempena dengan ibadah wukuf jemaah haji di Padang Arafah, Makkah.

Program berskala besar tersebut menyasarkan untuk mengajak umat Islam di seluruh dunia kembali kepada Al-Quran, memahami dan menjadikan kitab suci itu sebagai panduan dalam kehidupan sehari-hari.

**Dikeluarkan Oleh :****Mohd Basri Basir ([mbasri@unimap.edu.my](mailto:mbasri@unimap.edu.my))**

Penolong Pegawai Perhubungan Media UniMAP